

Kolokium P&P kongsi kepakaran lahirkan graduan seimbang dan holistik

Oleh: JULIANA MOHD. ALI

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kolokium Pengajaran & Pembelajaran bertemakan *Towards Producing Holistic, Entrepreneurial and Balanced Graduates* bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 18 Ogos 2015 yang lalu.

Program sehari itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus yang turut dihadiri Pengarah CAIC, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin.

Menurut Profesor Dato' Dr. Rosli, warga pendidik tidak boleh terus kekal dalam zon selesa malah perlu sentiasa memperbaiki diri dengan meningkatkan pengetahuan mereka, meningkatkan kaedah penyampaian mereka dan bersikap *up-to-date* dengan teknologi terkini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan kualiti IPT dan sistem pendidikan tinggi yang cemerlang.

"Tujuan sistem pendidikan tinggi adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan persaingan.

"Kerajaan sedang dalam usaha membangunkan generasi pemimpin masa hadapan yang mampu melonjakkan Malaysia

ke tahap yang lebih tinggi melalui pembaharuan sistem pendidikan tinggi Malaysia yang diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) ataupun PPPM (PT). Pelan ini telah menggariskan 10 lonjakan yang akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi," kata Dato' Dr. Rosli.

Menurutnya, pemilihan tema ini adalah bertepatan dengan penekanan oleh pihak kerajaan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, melahirkan 'penjana pekerjaan' dan bukan sahaja 'pencari pekerjaan'.

Kolokium yang turut mendapat sokongan pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini telah diserikan dengan pembentangan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Profesor Madya Dr. Jaafar Jantan yang juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Lebih menarik kolokium turut menampilkan salah seorang daripada empat orang pemenang Anugerah Akademik Universiti UMP iaitu Dr. Mohd Rusllim Mohamed. Beliau memberikan pencerahan berkaitan topik *Implementation of I-CGPA in UMP*.

Menurut Dr. Mohd Rusllim, sistem I-CGPA yang akan mula dilaksanakan di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) sebagai fakulti perintis pada sesi

akademik akan datang menekankan kepada dua elemen utama dalam melahirkan graduan holistik iaitu A-CGPA (*Academic*) dan C-CGPA (*Co-Curriculum/ Capability*).

"Melalui kaedah ini penilaian terhadap pelajar tidak hanya bersandarkan kepada pencapaian akademik semata tetapi meliputi beberapa aspek lain seperti kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan, dan sebagainya," ujar beliau.

Turut membentangkan kertas kerja, pensyarah kanan di FSKPP, Wan Muhammad Syahrir Wan Hussin. Beliau yang merupakan Pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang 2013 (Kategori Sains Gunaan) berkongsi tentang topik *Engaging with Students in Learning Process*.

Baginya, salah satu masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bagaimana untuk melibatkan diri dengan pelajar dalam proses pembelajaran. Antara masalah yang timbul kerana pensyarah tidak tahu apa yang pelajar mahu semasa kuliah dan pelajar sendiri tidak dapat menyesuaikan diri dengan gaya pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah.

Begitu juga dengan pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang 2014 (Sains Sosial), Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) telah mengupas dengan menarik topik pembentangan *Enhancing Students Soft Skills Through Active Learning*.